



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

DANA PENGKOMERSIALAN DIPERKENALKAN DI BAWAH RMK13 BAGI PERCEPATKAN KEMASUKAN TEKNOLOGI TEMPATAN KE PASARAN

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2026 - Kerajaan hari ini memperkenalkan **Dana Pengkomersialan** di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi membantu teknologi tempatan yang telah dibangunkan untuk digunakan dan dipasarkan secara lebih meluas.

Dana ini direka untuk memperkukuh fasa pengkomersialan peringkat akhir, khususnya bagi teknologi yang telah disahkan dan bersedia merapatkan jurang terakhir menuju kesediaan pasaran, penerimgunaan dan pelaksanaan dalam dunia sebenar. Pembiayaan bernilai sehingga RM1 juta bagi setiap projek ditawarkan, dengan pelaksanaan disokong oleh ekosistem inovasi bersepadu MRANTI.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Chang Lih Kang berkata pengenalan dana ini mencerminkan anjakan strategik negara daripada sekadar menghasilkan teknologi kepada memastikan inovasi tempatan mampu digunakan, diskalakan dan memberi pulangan nilai kepada negara.

“Kita mahu melihat lebih banyak syarikat teknologi Malaysia berkembang daripada fasa pembangunan kepada penskalaan global. Dana Pengkomersialan diwujudkan untuk memperkukuh ekosistem sokongan supaya inovasi yang berpotensi tinggi dapat bergerak lebih pantas ke pasaran, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan bernilai tinggi,” katanya.

Di bawah RMK13, Kerajaan menegaskan bahawa setiap pelaburan awam perlu berteraskan hasil dan impak yang jelas. Dana Pengkomersialan selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) serta Pelan Hala Tuju RDICE yang

menekankan pendekatan berteraskan misi bagi menangani cabaran nasional seperti keterjaminan makanan, kesihatan, tenaga bersih dan transformasi digital.

Dana ini memberi tumpuan kepada teknologi tempatan yang telah mencapai sekurang-kurangnya Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) 7 dan Tahap Ketersediaan Pelanggan (CRL) 3, serta mempunyai bukti pengesahan pasaran seperti pelaksanaan rintis atau minat pelanggan yang disahkan. Program ini juga menyokong pembangunan projek, Pemecut Pengkomersialan Berstruktur (SCA) dan perkhidmatan inovasi bagi memastikan teknologi bukan sahaja kukuh secara teknikal tetapi juga bersedia dari segi komersial dan kawal selia.

Dalam pelaksanaannya, MOSTI mengambil pendekatan ekosistem menyeluruh dengan memperkasakan MRANTI sebagai rakan pelaksana utama melalui kerjasama agensi, industri dan rakan strategik. Pendekatan ini bertujuan mempercepatkan pengkomersialan teknologi tempatan merentas sektor sosioekonomi utama di bawah Kerangka MySTIE 10-10, termasuk teknologi peneraju seperti kecerdasan buatan, robotik, bioteknologi, nanoteknologi dan Internet Benda (IoT).

Permohonan Dana Pengkomersialan akan dibuka bermula **1 Mac 2026**, dengan maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan, mekanisme sokongan dan kriteria permohonan akan diumumkan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi MOSTI dan MRANTI.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
13 FEBRUARI 2026